

Lagi durian runtuh menanti golongan muda – TPM

Utusan Online

22 April, 2012

Oleh KAMIL MASLIH

KUALA LUMPUR 22 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan beberapa lagi program khusus untuk golongan muda sekali gus bakal membolehkan generasi itu menikmati durian runtuh hasil program berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, program tersebut akan melengkapkan lagi pelbagai program transformasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang telah memberi banyak manfaat kepada rakyat di negara ini.

"Saya telah diberitahu oleh Perdana Menteri, tidak beberapa lama lagi akan ada banyak lagi program *touch point* baru yang akan menyentuh soal anak-anak muda di negara ini," katanya ketika berucap pada Program BN Pilihan Orang Muda peringkat Wilayah Persekutuan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Bandar Tun Razak di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0422&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm